

FUNGSI RITUAL DALAM ADAT PERTUNANGAN MASYARAKAT MELAYU

Norhuda Salleh

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan

Universiti Malaysia Sabah

Email: norhudasalleh@ums.edu.my

Yaacob Harun, PhD

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

55100 Kuala Lumpur

ABSTRAK

Ritual ialah peraturan atau perlakuan yang telah ditetapkan oleh masyarakat pengamalnya. Adat pertunangan merupakan antara adat yang masih diamalkan dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Adat pertunangan ini biasanya akan dilangsungkan bersama adat merisik dan meminang. Dalam keadaan tertentu, adat merisik ditiadakan. Ini kerana adat merisik merupakan perjumpaan secara tertutup wakil pihak lelaki dengan perempuan yang ingin dipinang sebagai tanda pertanyaan rasmi pihak lelaki. Adat merisik biasanya melibatkan pasangan yang tidak mengenali antara satu sama lain. Adat pertunangan dalam masyarakat Melayu mempunyai ritual yang telah ditetapkan. Perlanggaran ritual dalam perlaksanaan adat pertunangan masyarakat Melayu akan mengakibatkan pelaku dicemuh oleh masyarakat. Makalah ini membincangkan fungsi ritual yang terdapat dalam adat pertunangan masyarakat Melayu. Bagi maksud ini kajian telah dilakukan di Kampung Seri Kedah, Sungai Leman, Sekinchan, Selangor. Kajian dilakukan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di lapangan. Hasil kajian mendapati fungsi ritual dalam istiadat pertunangan masyarakat Melayu di kawasan kajian dibahagikan kepada dua iaitu dari sudut simbolik ritual dilaksanakan dan juga utilitarian. Simbolik ritual pertunangan dilaksanakan ialah untuk memperkenalkan kedua-dua pihak lelaki dan perempuan sebelum ikatan kekeluargaan (persanakan/kinship) berlaku dalam masyarakat. Hal ini ditonjolkan melalui ritual sambutan. Manakala dalam ritual doa bagi adat pertunangan pula, sebagai ucapan terima kasih kepada Allah SWT melancarkan perjalanan majlis, memohon agar istiadat dalam perancangan perkahwinan seterusnya dapat dilaksanakan sebagaimana dirancang. Ritual jamuan pula sebagai simbolik memuliakan tetamu yang hadir dalam istiadat pertunangan yang diadakan. Manakala fungsi ritual dari sudut utilitarian dalam istiadat pertunangan pula sebagai mengeratkan silaturahim (sambutan), perpaduan dalam masyarakat (doa) dan perkongsian kegembiraan dan rezeki (jamuan).

Kata kunci: ritual, adat, sambutan, doa, jamuan.

Pengenalan

Dalam kalangan ahli antropologi, ritual boleh dilihat daripada beberapa sudut seperti daripada segi simboliknya, iaitu ciri-ciri perlambangan dalam ritual. Ritual juga boleh dilihat daripada segi hubungan antara ‘cara’ dengan ‘matlamat’ perlakuan berkenaan. Secara umumnya ahli antropologi berpendapat ritual ialah perlakuan *magico-religious*. Oleh itu, mereka sering kali membicarakan perkara ini di bawah tajuk ‘sistem kepercayaan’ yang meliputi kepercayaan magis dan agama.

Hanapi Dollah & Mohd. Nazri Ahmad (2008:132-133) menjelaskan kepercayaan magis ialah percaya terhadap kuasa ghaib untuk keperluan segera. Pakar dalam bidang ini diistilahkan sebagai bomoh, pawang, dalang, *bobohizan*, poyang, bidan dan lain-lain. Mereka tidak mempunyai tempat atau ‘rumah ibadat’ yang khas. Kepercayaan magis berbeza daripada kepercayaan agama. Kepercayaan agama ialah kepercayaan terhadap kuasa ghaib untuk tujuan jangka panjang. Pakarnya diistilahkan sebagai imam, bilal, tok guru, paderi sami dan lain-lain. Mereka mempunyai rumah ibadat secara khusus seperti surau, masjid, gereja, kuil dan lain-lain. Ritual dianggap ‘lambang’ kerana ritual merupakan satu cara hubungan. Smith (2005) berpendapat ritual merujuk kepada idea dan hubungan yang bukan sahaja berlaku antara seorang dengan seorang lain tetapi juga antara suatu zaman dengan zaman yang lain. Idea yang tidak dimuatkan dalam mitos dan tradisi lisan yang lain – iaitu idea yang tidak terucap – diluahkan melalui ritual. Ritual sebagai satu cara berhubungan termuat secara terperinci dalam adat. Perkara ini dinyatakan oleh Leach (1964:10) seperti berikut:

“For the living individuals in a society such details can never be irrelevant, they are part of the total system of interpersonal communication... They are symbolic actions, representations”.

Dalam konteks kajian ini ritual lebih menjurus kepada kepercayaan agama. T.A. Ridwan (2001:270) yang menyatakan bahawa nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan Islam memandangkan Islam ialah alternatif beragama bagi orang Melayu. Sehubungan itu nilai-nilai Islam telah membentuk peraturan sosial yang dapat membina disiplin sosial lalu wujudlah hubungan sosial yang berkesan. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2000:13) menegaskan bahawa nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan al-Quran dan Hadis. Ciri-ciri Islam menjadi teras kelakuan dan tindakan, bentuk hubungan, inti sari nilai dan sikap serta pandangan sistem sosiobudaya orang Melayu. Ini jelas menerusi perbilangan adat yang berbunyi “adat bersendi syarak, syarak

bersendi hukum, hukum bersendi kitab Allah". Adat pertunangan melibatkan mereka yang arif atau tahu tentang selokbelok agama iaitu terdiri daripada imam, ustaz dan orang alim selain pelaku adat serta orang tua. Contohnya dalam ritual doa, bacaan doa hanya boleh dilaksanakan oleh imam. Jika imam tidak hadir diganti dengan bilal ustaz mahupun mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam agama.

Ritual yang pelbagai rupa itu boleh diklasifikasikan pelbagai ‘cara’ dan meliputi tujuan (ritual magis dan ritual agama), jadual (berkala dan tidak berkala) ataupun fungsinya. Pengkategorian mengikut fungsi membahagikan ritual kepada apa yang disebut sebagai *rites de passage*. Genep (1960) mengemukakan istilah *rites de passage* yang merujuk kepada ritual yang membawa perubahan (peralihan) dalam kitaran hidup (*life-cycle*) seseorang individu, persekitaran mahupun komuniti. Beliau mendapati hampir semua masyarakat mempunyai ritual yang berkaitan dengan kelahiran, keremajaan dan perkahwinan, dan ritual diadakan dengan tujuan untuk menandakan peralihan atau transisi daripada satu tahap ke satu tahap lain dalam kehidupan. Secara umum ritual mempunyai tiga struktur atau lapisan, iaitu ritual pemisahan (*rites de separation*), ritual peralihan (*rites de marge*) dan ritual penggabungan (*rites de aggregation*). Sesuatu ritual mungkin juga mempunyai hanya satu lapis struktur seperti kelahiran dan kematian. Seseorang yang lahir ke dunia akan terpisah daripada tahap awalnya, iaitu semasa dalam kandungan dan begitu juga mati akan terpisah daripada kehidupan dunia. Terdapat juga upacara yang mempunyai ketiga-tiga lapisan seperti disebutkan di atas – iaitu pemisahan, peralihan dan penggabungan. Contoh ritual tersebut ialah perkahwinan. Seseorang yang berkahwin akan terpisah dari zaman remajanya, beralih ke tahap hidup berumah tangga dan bergabung sebagai suami isteri dan membentuk keluarga.

Haron Din (1991) menjelaskan peminangan adalah apabila pihak lelaki menyatakan kepada pihak perempuan tentang tujuan dan kehendaknya. Majlis ini dilangsungkan secara tertutup dan tidak dihebahkan seperti majlis perkahwinan. Pertunangan hanya melibatkan kaum keluarga terdekat. Berhubung dengan perkara tersebut Rasulullah pernah bersabda (maksudnya):“Umumkan perkahwinan dan rahiaskan pinangan”

Pertunangan merupakan mukadimah bagi perkahwinan menurut Haron Din (1991) yang juga disebut *khitbah*. Noriati A.Rashid (2007) juga berkongsi dapanan yang sama menerusi adat istiadat pertunangan yang diadakan di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Peminangan yang merupakan urusan keluarga secara tertutup itu mempunyai beberapa peranan. Antaranya adalah untuk melamar gadis tersebut secara rasmi dan lamaran tersebut hendaklah diketahui dan direstui oleh keluarga kedua-dua pihak. Ini bererti hasrat anak lelaki terhadap si gadis sudah secara rasmi dimaklumkan kepada keluarga. Anak gadis yang dipinang dengan baik merupakan tanda-tanda yang jelas bahawa gadis tersebut memiliki maruah dan harga diri yang sempurna. Dalam hal ini, Robani Haji Yusuf (1984:19) menjelaskan bahawa majlis pertunangan menunjukkan keluhuran budi masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam yang dilakukan dengan penuh tertib oleh kedua-dua pihak. Majlis pertunangan juga menjadi tanda masa bermulanya persiapan untuk melangsungkan perkahwinan.

Adat ditakrifkan sebagai suatu bidang yang luas, meliputi cara hidup dan budaya dalam kegiatan sosial, ekonomi, politik dan kepercayaan beragama. Adat merupakan satu peraturan yang menjadi pegangan masyarakat tradisional dalam memurnikan kehidupan mereka. Adat tidak mempunyai satu dokumen yang tersusun untuk diikuti atau dipatuhi. Adat merupakan sesuatu yang dipelajari daripada generasi terdahulu dalam masyarakat. Ia diperturunkan melalui pengalaman dan individu dalam masyarakat secara bersama memilikinya tanpa banyak bantahan atau soal jawab. Banyak pengkaji terdahulu telah memberikan definisi atau pengertian adat yang disimpulkan sebagai cara hidup yang menjadi amalan masyarakat. Winstedt dan Josselin de Jong mengklasifikasikan adat kepada enam bahagian iaitu: (a) *Ancient custom* atau adat lama, (b) *Created Custom* atau adat yang diadatkan, (c) *Inherited Lore* atau tradisi yang diwarisi, (d) *Decisions of common accord* atau keputusan berasaskan muafakat, (e) *Ancient law that awaits ratification* atau undang-undang lama yang menunggu pengesahan dan (f) *Decisions to be reached by later deliberation* atau keputusan yang perlu di bincang dan diperhalusi lagi (Hooker, 1970:3).

Konsep ini tidak terbatas kepada orang Melayu yang beragama Islam sahaja. Menurut Zainal Kling (2004), di Indonesia pengertian adat lebih meluas dan mendalam semenjak zaman pemerintahan Belanda yang mengiktiraf adat sebagai bidang perundungan yang sah. Selain itu, menurut Hornby dan Parnwell (1972), adat juga merupakan perlakuan dan tingkah laku yang diterima oleh sesebuah masyarakat. Bagi Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2000:68), adat merupakan peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai sosial. Pandangan itu kemudiannya dijelaskan oleh Noriati A.Rashid (2007:22) yang mengungkapkan bahawa segala perlakuan anggota masyarakat harus menepati adat yang telah terdapat dalam amalan masyarakat tersebut. Sekiranya keadaan itu tidak berlaku maka individu yang bercanggah pandangan dan pendapat tentang segala adat akan tersingkir di dalam sesebuah adat. Jelas sekali adat yang diterima merupakan adat yang telah mendapat persetujuan daripada seluruh masyarakat di dalam komuniti itu.

Adat dalam masyarakat Melayu secara tradisi merupakan satu cara hidup (*way of life*) yang sentiasa menjadi pegangan turuntemurun sehingga menjadi hukum yang harus dipatuhi. Istilah adat ini dapat ditemui dalam karya Melayu klasik, Sejarah Melayu sebagaimana petikan berikut:

“Maka sembah Menteri Jana Putera: “Tuanku, akan adat kami Islam...”

(Muhammad Haji Salleh (ed.), 1997:8)

Istilah adat dalam frasa di atas merujuk kepada cara hidup iaitu kebudayaan. Kenyataan sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Samad Ahmad (1990) bahawa kebudayaan mula dikenali oleh masyarakat umum di negara ini kira-kira awal tahun 1940an. Sebelum itu perkataan atau istilah yang terpakai dalam percakapan dan tulisan merupakan adat dan adat istiadat.

Namun demikian, makna adat dalam kehidupan masyarakat Melayu sudah semakin khusus terutamanya sehingga yang melibatkan upacara perkahwinan, kelahiran dan adat istiadat sahaja. Kepelbagaiannya takrif yang dikemukakan oleh pelbagai masyarakat di Alam Melayu telah menyebabkan berlakunya evolusi terhadap maksud adat. Bagi masyarakat Melayu tradisional, konsep adat sering kali dimaksudkan dengan beberapa tahap yang berlainan. Adat yang hakiki merupakan adat alam yang tidak dapat diubah kerana ia merupakan hukum alam seperti ‘adat api membakar’, ‘adat air membasahi’, ‘muda pasti tua’. Semua ini telah ditetapkan oleh ketentuan Allah SWT sebagai pencipta alam ini. Bagi orang Melayu, adat yang hakiki ini sentiasa diperhatikan dan dijadikan iktibar dalam kehidupan sebagaimana pepatah Melayu ‘alam terkembang jadikan guru’. Masyarakat Melayu banyak meneliti dan mentafsirkan alam yang dihubungkaitkan dengan kehidupan.

Oleh itu, konsep adat boleh dikatakan keseluruhan corak hidup atau kebudayaan manusia di alam nyata dan juga menghubungkan manusia dengan alam kosmik yang simbolik dan sejagat. Adat menjadi ciri kehidupan, bukan sahaja manusia dalam lingkungan alam tabiinya, tetapi ia mencakupi semua makhluk seperti haiwan dan tumbuhan, malah ciri adat terdapat dalam pergerakan alam tabii seperti kejadian semula jadi, taufan dan petir serta segala-gala dalam kosmos mengikut adat alam. Maka boleh dikatakan bahawa hukum alam ialah adat.

Adat resam yang mencakupi segala perlakuan upacara juga dikenali sebagai adat istiadat. Adat dalam bentuk ini termasuklah bidang kepercayaan dan perlakuan agama serta juga magis. Dalam konteks ini berlaku pertindihan bidang antara adat istiadat dengan upacara, sekali gus menjadikan upacara tersebut sebahagian daripada konsep adat yang lebih luas. Perlakuan upacara atau lebih dikenali dengan adat resam merupakan kebiasaan dan kelaziman yang menjadi amalan meluas di kalangan anggota masyarakat dan merangkumi keseluruhan cara hidup orang Melayu. Adat istiadat pula merupakan peraturan dan penyusunan yang lebih formal yang berlaku dalam upacara rasmi seperti adat perkahwinan. Sehubungan itu kajian ini menganalisis fungsi ritual yang melibatkan perlakuan agama yang terdapat dalam istiadat pertunangan iaitu sambutan, doa dan jamuan.

Ritual sambutan dalam istiadat meminang dan bertunang ialah susunan atur cara pertama yang dilaksanakan serta perlakuanperlakuan bukan bahasa yang mengiringi istiadat tersebut. Ritual sambutan di sini merupakan menyambut rombongan dengan ramah mesra, bersalam-salaman dan bertegur sapa dengan wajah yang manis. Ini kerana pertemuan tersebut merupakan pertemuan untuk menjalankan hubungan kekeluargaan. Ritual sambutan dimulai dengan ahli rombongan lelaki disambut di hadapan rumah perempuan. Sambutan dimulai dengan huluran tangan sebagai tanda bersalam, ucapan salam dan bertanya khabar dengan muka yang manis. Ritual ini diketuai oleh ahli keluarga yang mempunyai kedudukan paling tua (biasanya ibu dan bapa saudara pihak perempuan) diikuti oleh ibu saudara yang lainnya dan saudara terdekat. Barang hantaran yang dibawa oleh rombongan lelaki kemudiannya diletakkan di ruang yang telah ditetapkan untuk adat pertunangan dilaksanakan. Bagi istiadat pertunangan, hanya keluarga terdekat sahaja yang dijemput selain seorang imam atau ustaz yang akan ditugaskan kemudiannya untuk membaca doa.

Ritual doa pula ialah permohonan atau pengharapan kepada Allah SWT. (Noriaty A.Rashid, 2005:242) ,menyatakan doa menjadi amalan kepada orang Melayu memandangkan Islam yang dianuti menegaskan kepentingan doa sebagai suatu amalan hidup sekiranya manusia menginginkan keberkatan dan rahmatNya. Dalam ikatan pertunangan, harapan pasangan yang bertunang serta keluarga agar ikatan pertunangan akan sampai ke jinjang pelamin adalah tinggi. Doa memainkan peranan untuk menggambarkan harapan yang disandarkan kepada kebesaran Tuhan yang akan menentukan harapan tersebut terlaksana. Fahaman tersebut jelas sebatی dalam kehidupan masyarakat Melayu berpandukan surah al-Baqarah ayat 186 yang bermaksud:

“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku Maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, adar mereka selalu berada dalam kebenaran”.

Ritual doa dilaksanakan setelah pihak lelaki dan perempuan mencapai persetujuan dalam perbincangan pertunangan yang melibatkan antaranya jumlah wang hantaran yang perlu diberikan kepada pihak perempuan, mas kahwin, tarikh pernikahan, tarikh persandingan kedua-dua belah pihak, barang hantaran untuk mengiringi wang hantaran dan denda kepada salah satu pihak yang melanggar perjanjian sekiranya pertunangan diputuskan. Ritual doa diketuai oleh imam atau ustaz iaitu orang yang mempunyai ilmu agama. Mereka ini boleh dikenali melalui perwatakannya iaitu biasanya mempunyai janggut, bermuka bersih manakala daripada segi pakaian mereka mengenakan kopiah putih dan berbaju Melayu atau berjubah.

Ritual jamuan atau dimaksudkan dengan kenduri yang disediakan oleh tuan rumah untuk para tetamu. Masyarakat Melayu menamakan jamuan makan sebagai kenduri kerana ia diiringi dengan doa agar majlis mendapat keberkatan. Ritual jamuan diadakan sebagai tanda terima kasih dan penghormatan kepada rombongan lelaki dan tetamu yang hadir dalam majlis yang diadakan. Ritual jamuan dilaksanakan setelah rombongan lelaki dan pihak perempuan berbalas-balas dulang hantaran dan acara menyarung cincin kepada tunangan (perempuan) dilaksanakan oleh ibu saudara pihak lelaki. Wakil pihak perempuan iaitu bapa saudara akan menjemput rombongan lelaki menikmati jamuan manakala ibu saudara perempuan menjemput rombongan perempuan ke tempat jamuan yang disediakan. Ini sebagai acara kemuncak adat pertunangan masyarakat Melayu. Matlamat penyatuan dalam adat ini ditonjolkan dengan kedua-dua pihak menikmati jamuan yang disediakan oleh pihak tuan rumah sebagai tanda meraikan tetamu.

Permasalahan Kajian

Wujud amalan *ritual* dalam istiadat pertunangan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana perkahwinan dalam Islam merupakan sesuatu yang kudus dan suci. Kekudusan dan kesucian dalam Islam dicerminkan bahawa sesiapa yang berkahwin mampu menjaga

kehormatan diri. Sebagaimana sabda nabi yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim bermaksud: “*Wahai pemuda-pemuda, sesiapa sahaja di antara kamu yang berkemampuan untuk berkahwin, maka berkahwinlah kerana dengan berkahwin dapat menundukkan pandangan dan menjaga kehormatan diri.*”

Dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, inti sari nilai, sikap dan pandangan. Zainal Kling (1980) menyatakan Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu. Mohd Kamal Hassan (1980) pula menegaskan nilai Islam mempunyai hubungan yang organik dengan pandangan yang universal tentang Tuhan, manusia dan alam. Nilai kehidupan orang Melayu bersandarkan Islam memandangkan Islam ialah alternatif beragama bagi orang Melayu. Nilai-nilai Islam itu telah membentuk peraturan sosial yang dapat membina disiplin sosial maka wujudlah hubungan sosial yang berkesan. Nilai dalam masyarakat Melayu yang mengambil acuan Islam mempunyai hubungan tiga penjurur iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Maka nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan manusia dengan Tuhan, apa juga yang dilarang oleh Tuhan menjadi perkara yang mestilah dielakkan oleh manusia.

Ritual sambutan, doa dan jamuan merupakan perlakuan yang dilaksanakan dalam istiadat pertunangan masyarakat Melayu yang asas pegangannya merupakan Islam. Sehubungan itu, kajian ini menganalisis apakah fungsi ritual sambutan, ritual doa dan ritual jamuan yang dilaksanakan dalam adat pertunangan masyarakat Melayu. Fungsi ritual ini dianalisis daripada sudut simbolik dan juga utilitarian iaitu matlamat pelaksanaan ritual itu diadakan.

Objektif kajian

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis fungsi-fungsi ritual yang terdapat dalam istiadat pertunangan masyarakat Melayu.

Kajian lalu

Malinowski (1954) menjelaskan peranan ritual dalam proses perubahan kehidupan manusia (*rite de passage*) adalah penting kerana membolehkan manusia merasai proses-proses semula jadi yang mungkin berlaku di luar kawalan mereka, menjadikan ia sebagai satu perubahan semula jadi yang dilaksanakan oleh masyarakat sebagai satu keperluan; Douglas (1966) menyatakan *rite de passage* mengandungi bahaya yang dilihat seolah-olah jelas semasa tempoh peralihan; dan Turner (1969) menyatakan *rite de passage* merupakan peralihan dan pengukuhan nilai-nilai teras budaya dan kepercayaan melalui satu siri mesej simbolik secara berulang dan tidak dapat dilupakan kepada mereka yang terlibat dalam upacara tersebut dan kepada mereka yang melihat dan memerhatikan. Walau bagaimanapun, Grimes (2002) menjelaskan bahawa di barat amat sukar menemui amalan ritual ekoran daripada sifat individualistik, kenyataan ini sama sebagaimana yang diutarakan oleh Kimball (1960); Gennep (1960) menegaskan bahawa *rite de passage* bukan upacara yang bersifat tunggal tetapi merupakan beberapa ritual yang dibahagikan kepada subritual iaitu pemisahan (*separation*), peralihan (*transition*) dan penggabungan (*incorporation*). Setiap satu jenis ritual ini dikelaskan dalam preliminary iaitu pemisahan daripada dunia sebelumnya. Turner (1969) kemudiannya membangunkan model daripada idea Gennep (1960) dengan memberikan tiga peringkat atau ruang dalam *rite de passage* sebagai pengasingan (*separation*), perubahan (*margin*) dan penyatuhan (*reaggregation*).

Boodhoo (1993) yang mengkaji ritual dalam perkahwinan masyarakat India di India menjelaskan dua hari sebelum hari perkahwinan diadakan masyarakat memainkan seruling pada awal pagi. Irama seruling akan berubah daripada masa ke masa mengikut aturan yang telah ditetapkan dengan diiringi nyanyian yang digubah. Manakala menurut Guindi & Jimenez (1986) ritual perkahwinan yang dilakukan di Zapotec, Mexico (tamadun Meso-Amerika purba) penuh dengan suasana gembira digambarkan dengan persembahan muzik dan tarian mengiringi ritual perkahwinan daripada permulaan majlis hingga ke akhirnya. Terdapat pertunjukan bunga api, lilin yang dibawa oleh pengiring pengantin, hadiah dan gula-gula serta manisan.

Sheppard (1972:94) mendapati peminangan dan pertunangan dalam masyarakat Melayu tradisional dijalankan mengikut adat yang telah ditetapkan. Perkataan meminang lahir daripada pokok pinang yang menggambarkan lelaki dan ia dilakukan oleh pihak lelaki kepada pihak wanita. Istilah bertunang pula wujud apabila peminangan tersebut diterima dan ikatan dengan cara pihak wanita menerima cincin pertunangan sebagai perjanjian. Meminang dan bertunang disertai dengan pemberian hadiah yang dikenali dengan nama hantaran yang terdiri daripada persalinan pakaian, makanan (manisan) dan tepak sirih. Penerimaan cincin pertunangan merubah kedudukan wanita daripada bujang kepada tunangan orang, satu pengasingan dan peralihan dalam kitaran hidup.

Kajian berhubung perkahwinan masyarakat Melayu sebagaimana yang dijalankan oleh Syed Alwi Alhady (1962), Amran Kasimin (2002) dan Mokhtar H. Md. Dom (1976) juga menjelaskan bahawa perlaksanaan perkahwinan perlu mengikut aturan yang telah ditetapkan dalam adat Melayu. Ritual perkahwinan masyarakat Melayu dalam semua kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu menjelaskan suasana gembira digambarkan dengan berbalas hantaran antara pengantin lelaki dan pengantin perempuan, pengantin bersanding di pelamin dan jamuan diberikan kepada tetamu yang hadir.

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2000:77) menjelaskan majlis pertunangan merupakan adat istiadat kerana terikat dengan peraturan dan penyusunan yang lebih formal dan susunannya yang teratur. Penyusunan atur cara dalam majlis pertunangan orang Melayu menjadikan majlis ini mempunyai struktur yang teratur sebagaimana yang dijelaskan oleh Noriat A.Rashid (2007:73).

Kajian terdahulu jelas menunjukkan setiap budaya mempunyai ritual tersendiri dalam perlaksanaan perkahwinan. Semua kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu menjelaskan dengan terperinci jenis ritual yang diadakan gambaran situasi ritual di kawasan kajian. Untuk itu pengkaji mengambil pendekatan untuk mengenal pasti jenis ritual yang terlibat dalam perkahwinan

masyarakat Melayu dengan mengkhususkan kepada adat meminang dan bertunang. Kajian ini memperincikan siapa yang terlibat dalam ritual tersebut, cara ritual diadakan dan fungsi ritual dilaksanakan.

Kaedah kajian

Teknik temu bual etnografi dan pemerhatian dilaksanakan bagi mendapatkan data. Mereka yang terlibat dalam kajian ini ialah, imam, mak andam dan juga beberapa pengamal adat dan orang tua di kawasan kajian.

Pendekatan teori

Kajian ini berlandaskan teori antropologi simbolik (*symbolic anthropology*) dengan menganalisis konsep ritual yang dipelopori oleh Gennep (1960). Mengikut Gennep terdapat dua jenis ritual iaitu yang pertama ialah ritual yang mengiringi perjalanan seseorang daripada satu status sosial kepada yang lain dalam pusingan kehidupannya seperti upacara yang berkaitan kelahiran, perkahwinan, kematian dan lain-lain lagi. Ritual yang kedua ialah ritual yang mengikut pusingan masa atau peredaran masa (*annual cycle*) yang berasaskan kepada pengiraan kalender suku kaum misalnya upacara pemujaan dewa-dewa, perkara-perkara yang suci. Kedua-dua jenis ritual ini kadangkala juga dikenali sebagai ritual krisis kehidupan (*life-crises rites*). Selain itu, pendekatan Geertz (1960) berhubung ritual iaitu amalan ritual sebagai upacara memohon restu dan kebaikan turut digunakan.

Gennep (1960:116-133) dalam kajiannya berhubung ritual pertunangan dan perkahwinan menyatakan pertunangan dan perkahwinan merupakan transisi terpenting dalam perubahan satu kategori sosial kepada yang lainnya, kerana ia melibatkan perubahan dalam keluarga, puak, suku dan kadangkala perkahwinan mewujudkan ahli baru dalam rumah yang baru. Pertukaran ahli keluarga dalam perkahwinan ditandai dengan ritual pemisahan (*rite of separation*), yang selalunya merupakan fokus utama dalam keseluruhan kitaran hidup. Selanjutnya perkahwinan yang mempunyai beberapa acara rumit yang akhirnya memperlihatkan penggabungan (*incorporation*) antara pengantin lelaki dan perempuan selain ahli keluarga. Penggabungan ditandai dengan pasangan pengantin berkongsi makanan dalam sebuah pinggan yang sama selepas acara memberi hadiah dan wang hantaran. Ritual penyatuan antara pasangan pengantin menurut Gennep adalah berbeza mengikut budaya masyarakat pengamalnya, sesetengah mereka memperlihatkan ritual tersebut dengan berkongsi makanan; dibalut dengan sehelai pakaian yang sama atau disatukan dalam layah (veil); duduk di atas tempat duduk yang sama; meminum darah sesama sendiri; minum dalam bekas yang sama; mengurut antara satu sama lain; melumurkan darah atau tanah liat di badan antara satu sama lain; membersihkan antara satu sama lain; memasuki rumah baru; dan sebagainya. Gennep menjelaskan semua perlakuan tersebut sebagai ritual penyatuan atau *rites of union*.

Bagaimanapun menurut Gennep, ritual penggabungan (*rites of incorporation*) mempunyai signifikan secara keseluruhan sama ada dalam menyatukan individu ke dalam kumpulan baru atau menyatukan dua atau lebih kumpulan dalam konteks ini merujuk kepada keluarga. Dalam kerangka kategori ini Gennep menjelaskan ianya mengandungi: pertukaran barang, pertukaran keluarga (di Australia, kaum Bassa-Komo di Afrika Barat dan juga di mana-mana), ritual tarian, pertunangan dan majlis perkahwinan, berbalas lawatan, mengandung atau melahirkan anak; menerima pemberian bukan sahaja daripada lelaki kepada perempuan tetapi tetamu atau ahli keluarga yang turut serta dalam ritual tersebut.

Selain itu Gennep (1960:132) menegaskan ritual pemisahan yang ditandai dengan acara pertunangan juga perlu diambil perhatian kerana ianya bukan sahaja melibatkan dua manusia (lelaki dan perempuan) tetapi juga apa yang paling penting ialah kesan terhadap kedua pihak (keluarga lelaki dan perempuan) yang memperlihatkan wujudnya penyatuan sosial dalam masyarakat. Paling utama yang ditegaskan oleh Gennep dalam kajiannya berhubung ritual yang dilaksanakan dalam sesebuah perkahwinan ialah perkahwinan merupakan perlakuan sosial yang meliputi ritual perlindungan dan kesuburan. Perlakuan ritual yang dilaksanakan sama ada di peringkat pemisahan, pengalihan dan penggabungan-penyatuan (*incorporation-aggregation*) bergantung kepada budaya masyarakat pengamalnya. Perlakuan ritual dilihat daripada sudut proses perlaksanaan dan struktur ritual yang dilaksanakan. Bagi pengkajian Geertz (1960) amalan ritual sebagai upacara memohon restu dan kebaikan.

Kajian ini menganalisis fungsi ritual yang dilaksanakan dalam adat pertunangan masyarakat Melayu bagi mengiringi perjalanan seseorang daripada satu status sosial kepada yang lain dalam pusingan kehidupan iaitu daripada status anak gadis atau teruna kepada status tunangan orang. Dalam konteks kajian ini ritual dilaksanakan berfungsi sebagai mencerminkan sistem nilai dalam masyarakat Melayu melalui ritual sambutan - meraikan kehadiran tetamu. Ritual doa sebagai ucapan terima kasih sebagai tanda kesyukuran dan permohonan kepada Allah SWT. Bagi amalan ritual jamuan berfungsi sebagai tanda terima kasih tuan rumah kepada tetamu dan tanda pemberitahuan ke atas majlis pertunangan yang dilaksanakan. Paling utama ritual jamuan sebagai simbolik memuliakan tetamu yang hadir dalam adat pertunangan yang diadakan. Manakala fungsi ritual dari sudut utilitarian dalam istiadat pertunangan pula sebagai mengeratkan silaturahim (sambutan), perpaduan dalam masyarakat (doa) dan perkongsian kegembiraan dan rezeki (jamuan).

Dapatan dan perbincangan

Hasil kajian mendapati istiadat pertunangan mempunyai tiga jenis ritual yang dilaksanakan iaitu ritual sambutan, ritual doa dan ritual jamuan makan atau juga dikenali sebagai kenduri.

Ritual pertama yang dilaksanakan ialah ritual **sambutan**. Dalam ritual ini rombongan lelaki yang hadir akan disambut oleh kaum keluarga pihak perempuan di depan pintu rumah dengan mengiringi mereka masuk ke ruang yang telah disediakan sambil bersalam-salam sambil bertegur sapa. Tegur sapa diiringi dengan wajah yang manis. Ini kerana pertemuan untuk menjalinkan hubungan

kekeluargaan. Dulang-dulang hantaran diletakkan di tengah-tengah ruang yang dikelilingi oleh para tetamu. Perlakuan menyambut tetamu dengan penuh kemesraan dituntut dalam Islam seperti sabda Rasulullah bahwa orang yang beriman kepada Allah ialah orang yang memuliakan tetamu, mempererat hubungan kekeluargaan dan mengucapkan kata-kata yang baik (Imam Nawawi, 1994:794). Manakala dalam masyarakat Melayu pula menyambut tetamu merupakan salah satu perlakuan yang menggambarkan budi bahasa yang diamalkan. Amat Juhari Moin (1985:286) budi bahasa unsur penting dalam kehidupan masyarakat Melayu yang diasaskan daripada tingkah laku dan penggunaan kata-kata yang dipilih dengan cermat. Kepentingan budi bahasa dalam kehidupan orang Melayu digambarkan dalam pantun:

*Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga,
Yang cantik itu budi
Yang indah itu bahasa*

Mustafa Haji Daud (1995:3) menjelaskan ciri budi itu merupakan akhlak yang mulia yang mencakupi sifat ikhlas, jujur, benar, merendah diri, pemurah, suka menolong, berjasa dan berbakti. Gabungan budi dan bahasa mewujudkan satu pengertian yang jelas, iaitu percakapan yang baik yang mengandungi tutur kata sempurna dan menyenangkan, penuh dengan sifat-sifat menghormati pihak lain, bersopan santun diiringi dengan akhlak yang mulia. Budi bahasa dalam kalangan orang Melayu umumnya dan Islam khususnya dikaitkan dengan hati atau kalbu. Mustafa Haji Daud (1995:87-131) telah menghuraikan dengan jelas tentang konsep budi bahasa di hati dan bagaimana konsep hati itu dikaitkan dengan tindakan dan perlakuan manusia.

Budi bahasa bukan sekadar penggunaan bahasa semasa percakapan semata-mata malahan konsep budi bahasa turut termasuk perlakuan dan tingkah laku seseorang semasa berhadapan dengan khalayak. Zainal Abidin Ahmad (1950) menjelaskan bahawa perlakuan-perlakuan yang tertib dapat dilihat dalam hubungan sosial dalam kalangan anggota masyarakat. Antaranya amalan bersalam atau berjabat tangan, menunjukkan muka yang manis, cara duduk yang tertib dan disenangi, melayan tetamu dengan menghidangkan juadah, membongkokkan badan ketika melintas di depan atau di belakang orang lain dan menggunakan ibu jari dan bukan jari telunjuk apabila mahu menunjukkan sesuatu. Penggunaan bahasa yang santun itu tidak akan lengkap tanpa disertai dengan perlakuan yang mulia yang datang daripada keikhlasan hati. Kedua-dua perkara itulah saling melengkapkan konsep budi bahasa dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Sehubungan itu, jelaslah fungsi sambutan diadakan bagi berkenal-kenalan untuk mewujudkan silaturahim dan mengakrabkan persaudaraan. Islam menegaskan berjabat tangan atau bersalam semasa bertemu kawan dituntut sebagai mengakrabkan persaudaraan. Wanita bersalam dengan kedua-dua belah tangan dan hanya bersalam sesama wanita dan tidak bersalam dengan lelaki yang bukan mahram. Diriyatkan oleh Abu Dawud (Imam Nawawi, 1994 Bab 3:937) bahawa Rasulullah pernah bersabda: “*Tiada dua orang muslim pun yang bertemu lalu keduanya berjabat tangan, melainkan keduanya itu diampuni dosanya oleh Allah sebelum keduanya berpisah*”.

Setelah rombongan lelaki dan pihak perempuan mengambil tempat yang dikhususkan ritual yang seterusnya dilaksanakan iaitu doa. Sebelum doa dibacakan, ucapan salam dan selamat datang diberikan kepada rombongan lelaki. Ini bertujuan mengalaukan kehadiran rombongan lelaki. **Doa** ialah satu tindakan dan perlakuan untuk memohon kesejahteraan semoga istiadat pertunangan diberkati oleh daripada Allah swt. Doa diketuai oleh imam atau orang yang mempunyai pengetahuan agama yang lazimnya tidak terlibat sebagai juru perunding. Dapatkan kajian menunjukkan jangka masa bacaan doa ialah lima minit. Majlis yang tidak disertai dengan bacaan doa dianggap tidak sempurna. Keutamaan doa kepada orang Islam ditegaskan menerusi firman Allah swt dalam (*Al-Quran Tajwid dan Terjemahan*, 2012) surah al-Baqarah ayat 186, surah Ghafir ayat 60, surah al-A’raf ayat

55 dan surah an-Naml ayat 62. Nabi bersabda bahawa doa itu ialah ibadah (Imam Nawawi, 1994:1332). Pengabaian doa akan memalukan pihak keluarga dan tindakan yang mengabaikan sesuatu yang menjadi nilai sosial akan mengakibatkan tekanan sosial (Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 2000:126).

Fungsi ritual doa dalam istiadat pertunangan masyarakat Melayu ialah permohonan pengharapan kepada Allah SWT agar ikatan pertunangan yang terjalin kekal hingga ke istiadat pernikahan. Islam menegaskan semua urusan hendaklah diserahkan kepada Allah, bertawakal kepadaNya, percaya terhadap janji-janjiNya, reda dengan apa yang dilakukanNya, berbaik sangka kepadaNya dan menunggu dengan sabar pertolongan dariNya, merupakan sebahagian daripada buah keimanan yang paling besar dan merupakan salah satu daripada sifat mukmin yang paling mulia. Berdoa merupakan jalan terakhir setelah semua usaha dilakukan untuk mencapai sesuatu yang dihajati. Sebagaimana zikir yang sering kali dibaca setiap kali ditimpa musibah iaitu “*hasbunallah wani’mal wakil*” berisi pernyataan ketergantungan kita kepada Allah SWT, memohon perlindungan-Nya, dan mengembalikan semua masalah kepada-Nya. Zikir “**Hasbunallah Wani’mal Wakil...**” ini tercantum dalam Al-Quran dan hadis yang bermaksud: “(Yaitu) orang-orang (yang menta’ati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakan: Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka”, maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: “*HasbunAllah Wani’mal-Wakil*”, Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung”. (Ali-imran 3:173).

Ritual terakhir yang dilaksanakan ialah **jamuan makan** juga disebut sebagai kenduri diadakan selepas rundingan selesai dengan diiringi doa sebagai tanda terima kasih dan penghormatan kepada rombongan lelaki dan tetamu yang hadir dalam majlis yang diadakan. Rombongan lelaki dipersilakan mengambil tempat yang telah dikhususkan dan mereka akan dilayan oleh ahli keluarga pihak perempuan ketika menjamu hidangan. Menjamu tetamu dengan menyediakan hidangan merupakan salah satu ajaran Islam

dalam cara menghormati tetamu yang hadir. Ini sebagaimana firman Allah swt yang mengisahkan Nabi Ibrahim ‘alaihis salam bersama tamu-tamunya dalam surah adz-Dzariyat ayat 26 hingga 27 (*Al-Quran Tajwid dan Terjemahan*, 2012:521) yang bermaksud: “Dan Ibrahim datang pada keluarganya dengan membawa daging anak sapi kemudian ia mendekatkan makanan tersebut pada mereka (tamu-tamu Ibrahim as) sambil berkata: ‘Tidakkah kalian makan?’.”

Memberi jamuan kepada tetamu merupakan amalan terbaik dalam Islam. Selain ia dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran, nabi turut menegaskan dalam hadis baginda daripada Daripada Abdullah bin Amru bin al-‘As ra, bahwasanya seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah , “Apakah amalan yang terbaik dalam Islam?” Baginda bersabda, “Memberi makan makanan dan memberi salam kepada orang engkau kenal dan orang yang engkau tidak kenali”. (Amalan yang terbaik dalam Islam, 2015)

Fungsi ritual jamuan adalah untuk meraikan rombongan lelaki dan mengucapkan terima kasih. Selain itu dalam ritual ini juga hubungan kekeluargaan mula dijalinkan. Rombongan lelaki dan pihak perempuan boleh berbual untuk mengetahui latar belakang kedua belah pihak dengan lebih dekat. Istiadat pertunangan merupakan permulaan untuk menjalinkan hubungan kekeluargaan kedua pihak. Kepentingan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu sebagaimana dijelaskan oleh Yaacob Harun (2005:192) dalam penulisannya yang bertajuk *Unity of Malay Family* menjelaskan masyarakat Melayu memandang perkahwinan bukan sekadar ikatan antara dua manusia tetapi melibatkan kedua buah keluarga yang lebih penting. Keserasian antara dua keluarga adalah lebih utama daripada keserasian dalam hubungan suami isteri.

Kesimpulan

Setiap ritual yang dilaksanakan dalam istiadat pertunangan dalam masyarakat Melayu mempunyai fungsinya yang tersendiri dan berhubung kait dengan Islam. Cara perlaksanaan amat tersusun, susunan struktur sosial digambarkan dengan wujudnya watak-watak penting dalam perlaksanaan setiap jenis ritual. Bagaimana masyarakat Melayu menyusun kepentingan mereka yang mempunyai derajat dalam struktur masyarakat melalui kelebihan ilmu agama, pengalaman hidup dan susunan hubungan dalam sistem kekeluargaan.

Jelaslah ritual yang dilaksanakan dalam adat pertunangan masyarakat Melayu mempunyai fungsi dalam masyarakatnya. Setiap ritual yang dilaksanakan mempunyai satu matlamat iaitu mendapat keredaan Allah SWT jika dilihat dalam pandangan agama. Manakala dari sudut sistem nilai ritual yang dilaksanakan memperlihatkan fungsi sebagai penyatu dalam masyarakat. Ritual sambutan mengetengahkan mereka yang berpengalaman dalam adat atau orang tua dalam keluarga. Mereka ini menjadi ketua dan memimpin ahli keluarga dan masyarakat lainnya untuk memulakan atur cara dalam ritual sambutan.

Fungsi ritual doa pula merupakan mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT yang diketuai oleh imam atau ustaz. Simbol penyatu dapat dilihat apabila, imam akan memulakan doa dengan pujian kepada Allah kemudian membacakan doa semoga majlis diberkati. Penyatu dapat dilihat dalam pelaksanaan ritual doa apabila tetamu yang hadir mengaminkan (memohon Allah SWT memperkenankan doa yang dipohon). Semasa imam membaca doa semua tetamu dengan tekun mendengar bacaan doa tersebut. Tetamu dan imam secara bersama mengangkat kedua belah tangan sebagai simbol bukan lisan dalam ritual doa. Manakala fungsi ritual jamuan sebagai simbolik memuliakan tetamu yang hadir dalam istiadat pertunangan.

Amalan ritual menjurus kepada satu matlamat iaitu mencapai keredaan Allah SWT dengan mengikut syariat Islam. Adat sebagai pelengkap dalam perlaksanaan ritual tersebut. Ini sebagaimana ungkapan yang dicipta oleh masyarakat Melayu tentang hubung jalin adat dan agama “*adat menurut, syarak mengata*”. Hal ini demikian kerana apa-apa perlakuan adat mestilah mengikut lunas yang telah ditetapkan oleh syarak. Perlaksanaan ritual dalam istiadat pertunangan merupakan pengesahan dalam masyarakat Melayu berhubung hubungan lelaki dan perempuan, satu fasa awal dalam pembentukan sebuah keluarga. Fungsi ritual sambutan, doa dan jamuan diadakan daripada segi simboliknya adalah sebagai tanda penyatu. Ini kerana setiap perlakuan dilaksanakan secara bersama. Ritual dalam adat pertunangan masyarakat Melayu merupakan perkara yang perlu dilaksanakan bagi memastikan keseluruhan adat pertunangan memberi erti dan mencapai matlamat pelaksanaannya iaitu penyatu dan memohon keberkatan daripada Allah SWT. Fungsi ritual sambutan, doa dan jamuan dari sudut utilitarian dalam istiadat pertunangan sebagai mengeratkan silaturahim (sambutan), perpaduan dalam masyarakat (doa) dan perkongsian kegembiraan dan rezeki (jamuan). Simbolik ritual pertunangan dilaksanakan ialah untuk memperkenalkan kedua-dua pihak lelaki dan perempuan sebelum ikatan kekeluargaan (persanakan/kinship) berlaku dalam masyarakat.

Masyarakat Melayu memberi tunjuk ajar kepada masyarakat dengan cara yang penuh tertib dan teratur. Adat pertunangan yang dilaksanakan bukan untuk ‘membesar-besarkan diri’ atau ‘bermegah-megah’, tetapi adalah untuk mengembangkan nilai-nilai luhur sistem nilai masyarakat sebagaimana ungkapkan Tenas Effendy (2006:21): *dalam upacara adat, banyaklah hikmah yang tersirat*

*dalam upacara adat Melayu, banyak
petunjuk dijadikan guru*

Rujukan

- Abdul Samad Ahmad.(1990). *Kesenian adat, kepercayaan dan petua*. Melaka: Associated Educational Distributors (M).
Al-Quran Tajwid dan Terjemahan. (2012). Kajang: Humaira Bookstore Enterprise.

- Amalan yang terbaik dalam Islam. (2015). Retrieved January 1, 2015, from <http://www.islam.gov.my/node/48047> Amat Juhari Moin.(1985). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Universiti Malaya.
- Amran Kasimin.(2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boodhoo, S.(1993). *Kanyadan: The why's of Hindu Marriage Rituals*. Port Louis: Mauritius Bhojpuri Institute.
- Douglas, M.(1966). *Purity and Danger: An Analysis of Concepts of Pollution and Taboos*. New York: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Geertz, C.(1960). *The Religion of Java*. Chicago: University of Chicago Press.
- Gennep, A. Van.(1960). *Rites of Passage* (reprint, r). London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Grimes, R. L.(2002). *Deeply Into The Bone: Re-inventing Rites of Passage*. London: University of California Press.
- Guindi, F. El, & Jimenez, A. H.(1986). *The Myth of Rituals: A Native Ethnography of Zapotec Life-Crisis Rituals*. Tucson: University of Arizona Press.
- Haji Mokhtar H. Md. Dom.(1976). *Malay Wedding Customs*. Petaling Jaya: Federal Publications Sdn Bhd.
- Hanapi Dollah, ., & Mohd. Nazri Ahmad.(2008). Ritual dan Perayaan. In . Anwar Din (Ed.), *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu* (pp. 131–155). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Din, . (1991). *Manusia dan Islam Jilid 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hooker, M. B. (1970). *Readings in Malay adat laws*. Singapura: Singapore University Press.
- Hornby, A. S., & Parnwell, E. C. (1972). *The Progressive English Dictionary*. London: Oxford University.
- Imam Nawawi, . (1994). *Riyadhus Shalihin: Taman Kaum Salihin dari Sabda Penghulu Sekalian Rasul*. (. Terjemahan M. Abdai Rathomy, Ed.). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Kimball, S. T.(1960). Introduction. In A. Van Gennep (Ed.), *The Rites of Passage* (pp. v–xix). Chicago: University of Chicago Press.
- Leach, E. R.(1964). *Political Systems of Highland Burma: A study of Kachin Social Structure*. London: Athlone Press.
- Malinowski, B.(1954). *Magic, Science and Religion: and Other Essays*. Garden City, New York: Doubleday Anchor Books.
- Mohd Kamal Hassan.(1980). *Nilai-nilai Universal Islam Tentang Kesejahteraan Masyarakat*. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980.
- Muhammad Haji Salleh. (Ed.). (1997). *Sulalat al-Salatin Ya'ni Perteturun segala Raja-raja (Sejarah Melayu Tun Sri Lanang)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud, . (1995). *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noriati A.Rashid. (2005). Nilai Kesantunan Dalam Konteks SosioBudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, (15), 232–253.
- Noriati A.Rashid. (2007). *Kesantunan Orang Melayu Dalam Majlis Pertunangan* (Edisi Kedu). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Robani Haji Yusuf, . (1984). *Bab Nikah, Rumusan Kuliah-kuliah*. Melaka: Percetakan Suria.
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera : Malay Decorative and Pastimes. Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes* (illustrate). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Smith, W. R. (2005). *Lectures on the Religion of the Semites*. Boston: Adamant Media Corporation.
- Syed Alwi Alhadji. (1962). *Malay Customs and traditions*. New York: AMS Press.
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- T.A. Ridwan. (2001). Bahasa Melayu: Peranan dan Nilai-nilai Moralisme didalamnya. In Yaacob Harun (Ed.), *Kosmologi Melayu* (pp. 264–283). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Turner, V. (1969). *The Ritual Process : Structure and Anti-Structure*. New Brunswick and London: Aldine Transaction.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Yaacob Harun. (2005). Unity In Malay Family. *Jurnal Pengajian Melayu*, (16), 187–199.
- Zainal Abidin Ahmad. (1950). *Malay Manners and Etiquette*. Kuala Lumpur: Royal Asiatic Society.
- Zainal Kling. (1980). *Sistem Nilai Tradisi Melayu*. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980.
- Zainal Kling. (2004). Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah-Ajaran Tamadun Melayu. In .Hanipah Hussin & Abdul Latif Abu Bakar. (Ed.), *Kepimpinan Adat Melayu Serumpun* (pp. 13–32). Institut Seni Malaysia Melaka & Biro Sosiobudaya Dunia Melayu Dunia Islam.